

**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PELAKSANAAN END TO END (E2E)
BAGI URUSAN PELUPUSAN
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL**

1) Apakah yang dimaksudkan dengan *End to End* Pelupusan?

End to End (e2e) Pelupusan ialah pelaksanaan proses serahan, bayaran dan cetakan sepenuhnya secara atas talian (*online*).

2) Apakah metode pembayaran yang ada dalam pelaksanaan *End to End*?

Metode pembayaran adalah secara *FPX* sahaja.

3) Apakah urusan Pelupusan yang terlibat secara *End to End*?

Urusan Pelupusan yang terlibat secara *End to End* adalah untuk dua (2) urusan sahaja iaitu:

- 1) **MLMS – Membaharui Lesen Menduduki Sementara**
- 2) **RAYUAN – Permohonan Rayuan Ke Atas Keputusan Kerajaan dan Perlanjutan Tempoh Membayar Premium dan Lain-Lain Bayaran di Bawah Kauasa PTG**

4) Adakah urusan boleh dibuat sekiranya tiada akaun pengguna Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL?

Tidak. Pelanggan perlu mendaftar di bawah Akaun Pengguna di Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL sebelum dapat membuat sebarang urusan pelupusan.

<https://www.ptgwp.gov.my/etanah-awam/AwamLoginForm.xhtml?target=kl>

6) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat kemajuan proses kerja bagi sesuatu urusan yang telah dihantar?

Pelanggan akan menerima notifikasi menerusi emel individu yang didaftarkan di portal dan notifikasi di portal awam atau pelanggan boleh melihat status permohonan di portal awam.

7) Bagaimanakah pelanggan akan mendapat makluman berkenaan pertanyaan/*inquiry* oleh pihak PPTGWPKL?

Pelanggan akan menerima notifikasi menerusi emel individu yang didaftarkan di portal atau notifikasi di portal awam.

8) Jika pelanggan terlupa untuk mencetak resit, bagaimanakah cara pelanggan untuk mendapatkan semula salinan cetakan resit tersebut?

Pelanggan boleh mencetak semula resit dengan memasuki portal awam dan klik di STATUS PERMOHONAN seterusnya klik pada TINDAKAN untuk cetakan semula.

9) Adakah pelanggan perlu mengisi semula butiran permohonan?

Tidak, butiran permohonan akan dijana semula dan pelanggan perlu menyemak semula kesemua butiran tersebut.

10) Apakah format dokumen yang dibenarkan untuk dimuatnaik di dalam portal?

Format dokumen yang dibenarkan untuk dimuatnaik di dalam portal adalah PDF sahaja.